



Bahagian Perkhidmatan
Aras 6 & 7, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. Putrajaya
MALAYSIA



Tel. : 603-8885 3000/4000
Faks : 603-8880 2204

SULIT

Rujukan Kami : JPA.BK(S)134/4/8
Tarikh : 22 Ogos 2013



YBhg. Datuk Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

YBhg Datuk Dr.,

PEMAKLUMAN KEPUTUSAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN PELAJARAN BILANGAN 4 TAHUN 2013

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) Bilangan 4 Tahun 2013 pada 17 Julai 2013 telah meneliti dan menimbangankan cadangan Kaedah Pelaksanaan Penilaian Kriteria Kecemerlangan Urusan Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma Di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan itu LKPPP telah bersetuju dengan cadangan kriteria kecemerlangan bagi urusan kenaikan pangkat secara TBBK yang dikemukakan oleh KPM dengan penambahbaikan seperti berikut:

- i. markah minimum LNPT diselaraskan kepada 80% bagi kenaikan pangkat ke semua gred. Walau bagaimanapun penyelarasan markah minimum LNPT tersebut hanya akan dilaksanakan mulai 01.01.2014. Bagi tempoh sehingga 31.12.2013, pemarkahan sedia ada adalah terpakai; dan
- ii. bagi pegawai yang gagal, pegawai layak dipertimbangkan semula selepas tempoh satu (1) tahun dari tarikh pegawai pertama kali dipertimbangkan. Tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat pegawai yang dipertimbangkan semula adalah tidak kurang satu (1) tahun daripada tarikh pegawai layak dinaikkan pangkat secara TBBK

Cabutan minit mesyuarat yang berkaitan adalah seperti di Lampiran A.

SULIT

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

SULIT

3. Dikemukakan keputusan LKPPP tersebut untuk perhatian dan tindakan selanjutnya pihak YBhg Datuk Dr. jua.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHTAR BIN MOHD ABD. RAHMAN)

Setiausaha

Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran

s.k :

YBhg. Tan Sri Abd. Ghafar bin Mahmud
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
Pejabat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

SULIT